



## SIARAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

1 SEPTEMBER 2019

---

### LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

---

1 September 2019, PUTRAJAYA - Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan pada hari ini jam 2.00 petang menunjukkan 5 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik dan 62 stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana. **Satu stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini iaitu di ILP Miri, Sarawak (IPU 114).**

Peningkatan bacaan IPU di stesen ILP Miri, Sarawak adalah kerana kebakaran berulang di kawasan tanah gambut dengan anggaran keluasan sebesar 0.5 ekar berdekatan stesen tersebut. Pihak bomba bersama pemilik tanah sedang memadamkan kebakaran tersebut.

Stesen Rompin, Pahang telah menunjukkan bacaan IPU pada paras yang sederhana selepas beberapa hari lalu mencatatkan bacaan yang tidak sihat. Ini adalah disebabkan oleh keadaan yang hujan dan membantu memadamkan kebakaran hutan belukar gambut yang berlaku di bersebelahan Kg. Sembayan dan juga kebakaran yang berlaku di Teluk Kalong, Pekan, Pahang. Tapak kebakaran masih lagi berasap dan sedang di dalam pemantauan pihak BOMBA.

Kebakaran hutan gambut di Kampung Pekajang, Gelang Patah, Johor yang melibatkan keluasan kawasan lebih dari 16 hektar masih lagi dalam tindakan pemadaman oleh pihak BOMBA. Status pada 27 Ogos 2019 adalah keadaan

kualiti udara di kawasan berkenaan adalah agak berjerebu sehingga menyebabkan dua buah sekolah iaitu SK Tanjung Adang dan SMK Tanjung Adang dinasihatkan untuk terus ditutup sehingga kebakaran hutan di Gelang Patah bertambah baik. Walaubagaimanapun, keadaan angin yang kuat telah membantu asap diserakkan keluar jauh dari kawasan kebakaran. Berdasarkan bacaan IPU di stesen udara terhampir iaitu stesen Larkin adalah pada tahap sederhana (IPU 62).

Kebakaran hutan yang berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan bahagian Barat Sarawak. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan di Malaysia, Kalimantan serta di Tengah dan Utara Sumatera akan menerima hujan dan akan mengurangkan kesan jerebu setempat dan juga jerebu merentas sempadan.

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **31 Ogos 2019**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 19*, 77 titik panas (*hotspot*) dikesan di Sumatera, Indonesia, 9 titik panas (*hotspot*) dikesan di Kalimantan, Indonesia dan 7 titik panas (*hotspot*) dikesan di dalam negara iaitu di negeri Pahang (4), Sarawak (2) dan Johor (1). Terdapat titik-titik panas yang tidak dapat dicerap oleh imej satelit disebabkan oleh litupan awan yang tebal dan laluan satelit tidak dicerap sepenuhnya.

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada **31 Ogos 2019** (Rajah 1) menunjukkan terdapat lingkaran asap jerebu dari kawasan-kawasan kebakaran di Tengah dan Selatan Kalimantan, Indonesia. Arah pergerakan angin dari arah Barat Laut boleh membawa asap jerebu dari kawasan Kalimantan yang terjejas ke kawasan bahagian Barat Sarawak dan memberi peningkatan kepada bacaan IPU di kawasan-

kawasan tersebut.

**Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.**

**Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dan semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.**

#### **NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

- Orang ramai dinasihatkan melayari laman web Kementerian Kesihatan Malaysia ([www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.
- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

-----Tamat-----

Jabatan Alam Sekitar

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim


Dikeluarkan pada: 2.00 petang, 1 September 2019

**Maklumat lanjut, sila hubungi:**

Puan Mashitah Darus Pengarah Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-2983395	En. Wan Aminordin Wan Kamaruddin Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Udara Jabatan Alam Sekitar Tel: 019-7000840
--	---

PETA JEREBU SERANTAU 31 OGOS 2019

# Regional Haze Situation



## Latest Weather and Haze Situation



Moderate to strong monsoonal winds in the northern ASEAN region have brought scattered shower activities over many parts of the region, with a low pressure system developing over the sea areas west of Luzon, Philippines. In the southern ASEAN region, it was generally dry except for isolated showers in parts of Borneo. Hotspots with smoke haze were observed in central and southern Sumatra. Visible smoke haze were observed from some of the hotspots, and had been blown to the northwest by the prevailing winds. In Kalimantan, there were hotspots with smoke haze detected, mainly in western and southern Kalimantan. Clusters of hotspots in southern Kalimantan gave rise to hazy conditions in those areas.

Updated 7:16 PM 31 Aug

## Weather and Haze Outlook

In the northern ASEAN region, rainy weather is expected to continue over many areas, with prevailing winds blowing from the southwest or west. The low pressure system west of the Philippines is forecast to strengthen and track westward. In the southern ASEAN region, some showers are forecast over the equatorial region. However, dry weather is still expected to persist over the southern parts of Sumatra and Kalimantan. Prevailing winds are forecast to blow from the southeast or southwest. Hotspot activities in the region are likely to persist.

Updated 7:16 PM 31 Aug



## BILANGAN TITIK PANAS (*HOTSPOT*) 31 OGOS 2019

TARIKH : 31 OGOS 2019  
HARI : SABTU  
SATELIT : NOAA19

<b>NEGARA : MALAYSIA</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>HOTSPOT</b>
1.	JOHOR	<b>1</b>
2.	KEDAH	0
3.	KELANTAN	0
4.	MELAKA	0
5.	NEGERI SEMBILAN	0
6.	PAHANG	<b>4</b>
7.	PERAK	0
8.	PERLIS	0
9.	PULAU PINANG	0
10.	SABAH	0
11.	SARAWAK	<b>2</b>
12.	SELANGOR	0
13.	TERENGGANU	0
14.	W. P. KUALA LUMPUR	0
15.	W. P. LABUAN	0
16.	W. P. PUTRAJAYA	0
<b>JUMLAH HOTSPOT</b>		<b>7</b>

<b>NEGARA SERANTAU</b>		
<b>BIL.</b>	<b>NEGARA</b>	<b>HOTSPOT</b>
1.	SUMATERA	<b>77</b>
2.	KALIMANTAN	<b>9</b>
3.	BRUNEI	0

**BACAAN IPU BAGI SELURUH MALAYSIA JAM 2.00 PETANG, 1 SEPTEMBER 2019**

<b>CAQM KU Current API Value &amp; Class</b>			
<b>STATION ID</b>	<b>LOCATION</b>	<b>Date/Time: 01/09/2019 14:00</b>	
		<b>API</b>	<b>CLASS</b>
CA01R	Kangar, PERLIS	68**	Moderate
CA02K	Langkawi, KEDAH	64**	Moderate
CA03K	Alor Setar, KEDAH	68**	Moderate
CA04K	Sungai Petani, KEDAH	76**	Moderate
CA05K	Kulim Hi-Tech, KEDAH	68**	Moderate
CA06P	Seberang Jaya, PULAU PINANG	68**	Moderate
CA07P	Seberang Perai, PULAU PINANG	65**	Moderate
CA08P	Minden, PULAU PINANG	68**	Moderate
CA09P	Balik Pulau, PULAU PINANG	71**	Moderate
CA10A	Taiping, PERAK	68**	Moderate
CA11A	Tasek Ipoh, PERAK	63**	Moderate
CA12A	Pegoh Ipoh, PERAK	65**	Moderate
CA13A	Seri Manjung, PERAK	69**	Moderate
CA14A	Tanjung Malim, PERAK	58**	Moderate
CA15W	Batu Muda, W.P. KUALA LUMPUR	68**	Moderate
CA16W	Cheras, W.P. KUALA LUMPUR	66**	Moderate
CA17W	Putrajaya, W.P. PUTRAJAYA	71**	Moderate
CA18B	Kuala Selangor, SELANGOR	68**	Moderate
CA19B	Petaling Jaya, SELANGOR	68**	Moderate
CA20B	Shah Alam, SELANGOR	67**	Moderate
CA21B	Klang, SELANGOR	70**	Moderate
CA22B	Banting, SELANGOR	78**	Moderate
CA23N	Nilai, NEGERI SEMBILAN	71**	Moderate
CA24N	Seremban, NEGERI SEMBILAN	64**	Moderate
CA25N	Port Dickson, NEGERI SEMBILAN	65**	Moderate
CA26M	Alor Gajah, MELAKA	66**	Moderate

CA27M	Bukit Rambai, MELAKA	65**	Moderate
CA28M	Bandaraya Melaka, MELAKA	62**	Moderate
CA29J	Segamat, JOHOR	61**	Moderate
CA31J	Batu Pahat, JOHOR	63**	Moderate
CA32J	Kluang, JOHOR	61**	Moderate
CA33J	Larkin, JOHOR	62**	Moderate
CA34J	Pasir Gudang, JOHOR	65**	Moderate
CA35J	Pengerang, JOHOR	61**	Moderate
CA36J	Kota Tinggi, JOHOR	62**	Moderate
CA66J	Tangkak, JOHOR	65**	Moderate
CA37C	Rompin, PAHANG	71**	Moderate
CA38C	Temerloh, PAHANG	64**	Moderate
CA39C	Jerantut, PAHANG	66**	Moderate
CA40C	Indera Mahkota Kuantan, PAHANG	64**	Moderate
CA41C	Balok Baru Kuantan, PAHANG	60**	Moderate
CA42T	Kemaman, TERENGGANU	62**	Moderate
CA43T	Paka, TERENGGANU	59**	Moderate
CA44T	Kuala Terengganu, TERENGGANU	62**	Moderate
CA45T	Besut, TERENGGANU	62**	Moderate
CA46D	Tanah Merah, KELANTAN	58**	Moderate
CA47D	Kota Bharu, KELANTAN	59**	Moderate
CA48S	Tawau, SABAH	35**	Good
CA49S	Sandakan, SABAH	49**	Good
CA50S	Kota Kinabalu, SABAH	54**	Moderate
CA51S	Kimanis, SABAH	37**	Good
CA52S	Keningau, SABAH	52**	Moderate
<b>STATION ID</b>	<b>LOCATION</b>	<b>Date/Time: 01/09/2019 14:00</b>	
		<b>API</b>	<b>CLASS</b>
CA53L	Labuan, W.P. LABUAN	53**	Moderate
CA54Q	Limbang, SARAWAK	48**	Good
CA55Q	ILP Miri, SARAWAK	114**	Unhealthy
CA56Q	Miri, SARAWAK	68**	Moderate
CA57Q	Samalaju, SARAWAK	54**	Moderate
CA58Q	Bintulu, SARAWAK	55**	Moderate
CA59Q	Mukah, SARAWAK	51**	Moderate
CA60Q	Kapit, SARAWAK	52**	Moderate
CA61Q	Sibu, SARAWAK	61**	Moderate
CA62Q	Sarikei, SARAWAK	58**	Moderate
CA63Q	Sri Aman, SARAWAK	54**	Moderate
CA64Q	Samarahan, SARAWAK	61**	Moderate
CA65Q	Kuching, SARAWAK	65**	Moderate

**Summary CAQM KU (Current API Value & Class)**

API Class	Number of Areas
Good	4
Moderate	60
Unhealthy	1
Very Unhealthy	0
Hazardous	0
NA	0

**MCAQM KU (Current API Value & Class)**

STATION ID	LOCATION	Date/Time:01/09/2019 14:00	
		API	STATUS
MCAQM001	Johan Setia	90**	Moderate
MCAQM002	SK Kuala Baram 2	50**	Good
MCAQM003	Politeknik Kota Kinabalu	55**	Moderate

\* = Particulate Matter (**PM<sub>10</sub>**) || a = Sulphur Dioxide (**SO<sub>2</sub>**) || b = Nitrogen Dioxide (**NO<sub>2</sub>**) || c = Ozone (**O<sub>3</sub>**) || d = Carbon Monoxide (**CO**) || & = 2 or more parameter with same index ||

